

Kencana Pawana UMP raih Anugerah Khas Juri

Berita Harian (Varsiti) 14/6/18 (Khamis) m/s V32

Kuala Lumpur: Aksi persembahan tarian joget dan zapin Kumpulan Seni Tari Kencana Pawana, Sekretariat Kebudayaan dan Kesenian, Universiti Malaysia Pahang (UMP) menarik perhatian juri sehingga dinobatkan sebagai penerima Anugerah Khas Juri pada *Malaysian Floor Pattern Sport Dance Competition 2018*, baru-baru ini.

Pegawai Kebudayaan UMP, Noor Afiza Mohd Asmi, berkata pertandingan itu membabitkan beberapa kategori termasuklah peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, universiti dan kumpulan profesional.

“Persembahan dinilai berdasarkan keindahan

dan kreativiti penciptaan ‘pola lantai’ membabitkan pergerakan tarian joget serta zapin yang mesti dihasilkan dalam bentuk ciptaan baharu, termasuk memberi penekanan kepada postur isyarat badan penari.

Suntikan semangat

“Selain itu, aspek busana dan tatarias tidak diketepikan sebagai recah yang mewarnai persembahan selain pelengkap kesantunan karya seni tari yang bersesuaian dengan tata-susila rakyat Malaysia,” katanya.

Sebanyak 27 kumpulan menyertai pertandingan yang berlangsung di Lambang Sari, Istana Budaya,

Kuala Lumpur itu.

Program anjuran Istana Budaya itu turut mendapat kerjasama Kementerian Pendidikan.

Penganjuran pertandingan itu dilihat dapat memberi dimensi baharu kepada program seni persembahan dan meneruskan kesinambungan kumpulan tarian bagi memartabatkan seni tari di Malaysia.

Noor Afiza berkata, pihaknya tidak menyangka dapat meraih anugerah itu dan berharap kemenangan itu dapat menjadi suntikan semangat kepada mahasiswa untuk terus mencipta kecemerlangan, sekali gus mengharumkan nama UMP dalam bidang seni ini.



Kumpulan Seni Tari Kencana Pawana, UMP dinobatkan sebagai penerima Anugerah Khas Juri.